

Cawangan

No.

PERJANJIAN UNTUK MENYEWAKAN PETI SIMPAN SELAMAT

Perjanjian ini dibuat pada hari bulan 20 antara Public Bank Berhad [196501000672 (6463-H)], sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai pejabat berdaftar di Tingkat 27, Menara Public Bank, 146, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur ("Bank") di satu pihak;

DENGAN

Pihak yang butir-butirnya tercatat dalam Jadual A Perjanjian ini, di satu pihak yang lain ("Penyewa").

KINI ADALAH DENGAN INI dipersetujui seperti yang berikut:

1. TAKRIFAN

- 1.1 Melainkan konteksnya mengehendaki sebaliknya, ungkapan dan istilah dalam Perjanjian ini hendaklah mempunyai maksud yang berikut:

Perkataan	Maksud
"Akses" atau "akses"	hendaklah termasuk kuasa untuk membuka Peti tersebut, memeriksa, merekod, menyentuh, mengendalikan, mengeluarkan, menambah kepadanya, berurusan dengan dan melakukan semua perkara berkaitan dengan kesemua atau mana-mana bahagian kandungan dalam Peti berkenaan.
"Perjanjian"	bermaksud perjanjian ini termasuk apa-apa perubahan, pindaan dan/atau pengubahsuaian yang dibuat dari semasa ke semasa oleh Bank.
"Undang-undang yang diterima pakai"	bermaksud semua statut, undang-undang, peraturan, pengawalseliaan, garis panduan, arahan, perintah dan pekeliling yang berkaitan atau diterima pakai sama ada dikeluarkan oleh mahkamah, tribunal, badan atau pihak berkuasa kerajaan atau organisasi kawal selia sendiri dengan bidang kuasa ke atas Bank.
"Orang yang Dibenarkan"	bermaksud mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Penyewa termasuk tetapi tidak terhad kepada pemegang mandat yang dilantik oleh Penyewa untuk mendapat akses kepada Peti tersebut dan memberi arahan kepada Bank berkaitan dengan Peti berkenaan.
"Peti"	bermaksud Peti Simpan Selamat yang mana butirannya dinyatakan dalam Perkara 4 Jadual A Perjanjian ini. Sekiranya Peti tersebut ditukarkan atau dipindahkan semula ke mana-mana cawangan lain atau mana-mana tempat lain seperti yang ditentukan oleh Bank, ia hendaklah merujuk kotak yang telah ditukarkan atau dipindahkan semula.
"Anak Kunci"	merujuk anak kunci untuk mengakses Peti tersebut yang diberi kepada Penyewa atau juga dikenali sebagai anak kunci 'B'.
"Pihak-pihak"	hendaklah merujuk Bank dan Penyewa.
"PIBB"	merujuk Public Islamic Bank Berhad.
"Kumpulan Public Bank"	bermaksud cawangan Bank, agensi, wakil, pegawai, perbadanan bersekutu, gabungan atau berkaitan termasuk tetapi tidak terhad kepada subsidiari dan pegawai, kakitangan atau ejen masing-masing.
"Kawasan Peti Simpan Selamat"	bermaksud lokasi atau kawasan di mana Peti tersebut disimpan di cawangan Bank.

2. RUJUKAN

- 2.1 Perkataan yang mempunyai maksud mufrad termasuk jamak dan sebaliknya.

- 2.2 Perkataan yang mempunyai maksud jantina maskulin termasuk jantina feminin dan neuter dan sebaliknya.
- 2.3 Suatu rujukan kepada orang termasuk mana-mana orang sebenar, perbadanan, sama ada diperbadankan atau tidak dan peguam, wakil, wasi, pentadbir, pengganti serah hak dan pemegang serah hak mereka yang dibenarkan, mengikut mana-mana yang berkenaan. Perjanjian ini akan mengikat ke atas mereka itu.
- 2.4 Satu rujukan kepada “termasuk” atau “contohnya” atau perkataan lain seumpamanya apabila memperkenalkan contoh tidak menahkutkan maksud perkataan kepada contoh-contoh tersebut.
- 2.5 Sekiranya terdapat lebih daripada seorang Penyewa, obligasi dan liabiliti Penyewa di bawah Perjanjian ini hendaklah bersesama dan berasingan. Bagi mengelakkan keraguan, tiada seorang pun Penyewa yang perlu dilepaskan, atau liabilitinya terjejas oleh apa-apa pelepasan, pengeluaran, masa, pertimbangan, konsesi, pengecualian atau keizinan pada masa yang diberi atau dilaksanakan oleh Bank berkaitan dengan Penyewa.
- 2.6 Tajuk dan tajuk kecil Perjanjian ini dimasukkan untuk kemudahan sahaja dan tidak harus diambil pertimbangan dalam membentuk mana-mana peruntukan dalam Perjanjian ini.

3. TERMA

- 3.1 Penyewa bersetuju untuk menyewa Peti daripada Bank untuk tempoh satu (1) tahun, bermula pada tarikh seperti yang dinyatakan dalam Perkara 5 Jadual A Perjanjian ini (“Tarikh Penyewaan”) dan berakhir pada tarikh yang dinyatakan dalam Perkara 6 Jadual A Perjanjian ini (secara kolektif dirujuk sebagai “Tempoh Permulaan”) tertakluk pada terma dan syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian ini.
- 3.2 Apabila Tempoh Permulaan berakhir, Perjanjian ini secara automatik akan diperbaharui setiap tahun kecuali ditamatkan mengikut terma dalam Perjanjian ini dan sentiasa dengan syarat sewa tahunan telah dibayar.
- 3.3 Sekiranya Penyewa tidak bercadang untuk membaharui Perjanjian ini selepas tamatnya Tempoh Permulaan atau mana-mana tempoh berikutnya, Penyewa hendaklah memberi kepada Bank notis bertulis tidak kurang daripada satu (1) bulan sebelum tamatnya Tempoh Permulaan atau tempoh berikutnya.

4. SEWA

- 4.1 Sebagai balasan Bank bersetuju untuk menyewa Peti itu kepada Penyewa, Penyewa hendaklah membayar satu jumlah seperti yang dinyatakan dalam Perkara 7 Jadual A Perjanjian ini sebagai sewa tahunan bagi penyewaan Peti tersebut.
- 4.2 Sewa tahunan perlu dibayar setiap tahun. Sewa tahunan pertama hendaklah dibayar pada Tarikh Penyewaan dan sewa tahunan berikutnya hendaklah dibayar terlebih dahulu sebelum Tarikh Penyewaan pada ulang tahun berikutnya.
- 4.3 Semua sewa tahunan yang dibayar kepada Bank tidak boleh dipulangkan dan tidak akan diproratakan walaupun sekiranya Perjanjian ini ditamatkan sebelum berakhirnya Tempoh Permulaan atau tempoh berikutnya oleh mana-mana pihak kepada Perjanjian ini atas apa jua sebab.
- 4.4 Bank berhak untuk menyemak sewa tahunan dari semasa ke semasa dengan memaklumkan kepada Penyewa.

5. DEPOSIT

- 5.1 Penyewa dikehendaki membayar satu jumlah seperti yang dinyatakan dalam Perkara 8 Jadual A Perjanjian ini sebagai deposit untuk kunci (“Deposit Kunci”) pada atau sebelum Tarikh Penyewaan.
- 5.2 Bank berhak untuk menyemak semula Deposit Kunci dari semasa ke semasa dengan memaklumkan kepada Penyewa. Sekiranya Deposit Kunci permulaan yang dibayar kepada Bank kurang daripada Deposit Kunci yang disemak semula itu, Penyewa dikehendaki menambah perbezaan amaun, jika tidak Bank berhak untuk mendebit daripada mana-mana akaun yang disenggara oleh Penyewa dengan Bank atau PIBB untuk amaun tersebut atau menamatkan Perjanjian ini dengan serta-merta.
- 5.3 Deposit Kunci tidak boleh digunakan untuk menolak selesai apa-apa sewa tahunan atau apa-apa pembayaran yang terhutang dan perlu dibayar oleh Penyewa kepada Bank di bawah Perjanjian ini, kecuali dipersetujui oleh Bank secara bertulis.

6. ANAK KUNCI

- 6.1 Setiap Peti mempunyai dua (2) set Anak Kunci, iaitu Anak Kunci 'A' (bagi Kunci 'A' Peti tersebut) yang akan disimpan oleh Bank dan dua (2) Anak Kunci 'B' (bagi Kunci 'B' Peti tersebut).
- 6.2 Penyewa mengesahkan dan mengakui dalam borang yang dilampirkan dalam Lampiran 1 bahawa:
 - 6.2.1 Beliau telah menerima dua (2) Anak Kunci 'B' dan telah mencuba kedua-dua anak kunci; dan
 - 6.2.2 Kedua-dua anak kunci itu adalah dalam keadaan baik dan boleh digunakan, dan kedua-duanya boleh digunakan untuk mengunci dan membuka Peti berkenaan.
- 6.3 Penyewa mengaku janji untuk menyimpan Anak Kunci tersebut di bawah jagaan, simpanan dan milikan eksklusifnya.

Anak Kunci Hilang, Dicuri atau Tersalah Letak

- 6.4 Sekiranya mana-mana Anak Kunci itu didapati hilang, dicuri atau tersalah letak, Penyewa dikehendaki melaporkan mengenai kehilangan, kecurian atau tersalah letak itu kepada Bank dengan serta-merta.
- 6.5 Bank akan meminta Penyewa untuk mengemukakan bukti tentang kehilangan, kecurian atau tersalah letak itu termasuk laporan polis berkaitan yang dibuat oleh Penyewa.
- 6.6 Tertakluk pada pematuhan terhadap syarat-syarat Bank termasuk pemulangan Anak Kunci yang tidak hilang, tidak dicuri atau tersalah letak, Bank boleh mengikut budi bicaranya atau atas permintaan Penyewa mendapatkan Anak Kunci ganti atau Anak Kunci baharu untuk kunci 'B' Peti tersebut yang mana semua kos dan perbelanjaan yang dialami berikutan penggantian atau Anak Kunci baharu itu akan ditanggung oleh Penyewa. Sekiranya Penyewa gagal untuk membayar kos dan perbelanjaan tersebut kepada Bank, Bank berhak untuk tidak menyerahkan Anak Kunci ganti atau Anak Kunci baharu kepada Penyewa.
- 6.7 Semua pembaikan, penggantian dan/atau perubahan kepada dan/atau bagi Peti tersebut, kunci dan/atau Anak Kunci Peti tersebut hendaklah dibuat secara eksklusif oleh pekerja yang dilantik oleh Bank dengan kos dan perbelanjaan ditanggung oleh Penyewa. Bank tidak dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerosakan terhadap kandungan dalam Peti tersebut dan/atau kerugian yang dialami oleh Penyewa berikutan daripada atau berkaitan dengan pembaikan, penggantian dan/atau perubahan yang dibuat oleh pekerja berkenaan.
- 6.8 Deposit Kunci itu tidak akan digunakan untuk menolak selesai apa-apa kos dan perbelanjaan yang dialami bagi penggantian Anak Kunci berkenaan, kecuali dipersetujui oleh Bank secara bertulis. Sekiranya Deposit Anak Kunci itu digunakan untuk menolak selesai kos dan perbelanjaan, Penyewa dikehendaki menokok amaun yang kurang, jika tidak, Bank berhak untuk mendebit daripada mana-mana akaun yang disenggara oleh Penyewa dengan Bank atau PIBB untuk amaun tersebut atau menamatkan Perjanjian dengan serta-merta.
- 6.9 Sekiranya Anak Kunci yang hilang, dicuri atau tersalah letak itu dijumpai atau diperoleh semula kemudiannya, Penyewa hendaklah memulangkan Anak Kunci itu kepada Bank dengan serta-merta.

Kunci Pendua

- 6.10 Penyewa mengaku janji untuk tidak membuat atau menyebabkan Anak Kunci itu dipendukan dalam apa jua keadaan. Bank berhak untuk merampas mana-mana Anak Kunci yang dipendukan.

7. MANDAT MENGENDALIKAN

- 7.1 Bank berhak untuk bertindak menurut kaedah pengendalian Peti tersebut yang diberikan oleh Penyewa kepada Bank termasuk apa-apa permintaan untuk mengakses Peti tersebut, menamatkan Perjanjian ini dan memulangkan Deposit Kunci.
- 7.2 Sekiranya terdapat apa-apa perubahan dalam kaedah pengendalian Peti tersebut, Penyewa hendaklah memaklumkan kepada Bank secara bertulis dan memberi kesemua dokumen yang diperlukan oleh Bank. Bank akan melaksanakan perubahan tersebut sekiranya ia berpuas hati bahawa dokumen berkaitan dengan perubahan itu didapati teratur.

Bagi mengelakkan keraguan, sehingga perubahan sedemikian dibuat, kaedah pengendalian Peti tersebut hendaklah mengikut kaedah pengendalian sedia ada dan Bank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian yang dialami oleh Penyewa berikutan tindakan Bank yang berdasarkan kaedah pengendalian sedia ada tersebut.

- 7.3 Apa-apa arahan yang diberi oleh Penyewa atau Orang yang Dibenarkan berkaitan dengan Perjanjian ini dan/atau Peti tersebut hendaklah mengikat ke atas Penyewa.

8. AKSES KEPADA PETI

- 8.1 Tertakluk pada pematuhan terma Perjanjian dan apa-apa keperluan yang ditetapkan oleh Bank, Bank hendaklah, sepanjang tempoh kuat kuasa Perjanjian ini, membenarkan Penyewa untuk mengakses Peti tersebut pada waktu perbankan biasa Bank.
- 8.2 Penyewa mengesahkan bahawa beliau telah memeriksa Peti tersebut pada Tarikh Penyewaan dan Peti tersebut adalah dalam keadaan baik dan sempurna.
- 8.3 Sekiranya Penyewa adalah seorang individu, Penyewa tidak layak untuk membenarkan mana-mana orang untuk mempunyai akses kepada Peti tersebut, kecuali dipersetujui oleh Bank secara bertulis.
- 8.4 Sekiranya Penyewa adalah sebuah syarikat, perkongsian, kelab, persatuan, pertubuhan atau badan kerajaan atau berkanun, Penyewa bersetuju bahawa Orang yang Dibenarkan hendaklah mempunyai kuasa penuh untuk mengakses Peti tersebut dan semua tindakan yang dibuat atau diambil oleh Orang yang Dibenarkan hendaklah mengikat ke atas Penyewa.
- 8.5 Bank berhak untuk tidak membenarkan Penyewa untuk mengakses Peti tersebut di bawah mana-mana keadaan yang berikut:
- 8.5.1 Apa-apa amaun yang perlu dibayar dan terhutang kepada Bank di bawah Perjanjian ini termasuk sewa tahunan masih tertunggak;
- 8.5.2 Penyewa mungkir atau gagal untuk mematuhi terma Perjanjian ini;
- 8.5.3 Bank mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa maklumat atau dokumen yang diberi oleh Penyewa adalah tidak betul, tidak tepat dan/atau tidak benar;
- 8.5.4 Bank tidak dapat mengenal pasti identiti Penyewa atau tidak dapat mengenal pasti identiti Penyewa secara memuaskan;
- 8.5.5 Bank, mengikut pandangannya, tidak berpuas hati dengan kelakuan atau tingkah laku Penyewa atau kelakuan atau tingkah laku Penyewa boleh menjejaskan kepentingan Bank;
- 8.5.6 Sekiranya Bank berdepan dengan keadaan kecemasan;
- 8.5.7 Disebabkan oleh apa-apa kerja pembaikan atau pengubahan yang hendak dijalankan atau sedang dijalankan yang boleh menjejaskan keselamatan Peti tersebut atau Penyewa, pada pandangan Bank;
- 8.5.8 Kehadiran pelawat penting atau istimewa dalam premis Bank;
- 8.5.9 Apabila menerima perintah mahkamah yang menghalang akses kepada Peti tersebut oleh Penyewa;
- 8.5.10 Apabila menerima petisyen penggulungan, petisyen kebangkrutan, permohonan untuk perintah injuksi terhadap Penyewa atau berkaitan dengan Peti tersebut atau kandungannya;
- 8.5.11 Sekiranya kandungan dalam Peti tersebut disita, dirampas atau terjejas oleh apa-apa perintah mahkamah, garis panduan, arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa dengan bidang kuasa ke atas Bank;
- 8.5.12 Bagi mematuhi Undang-undang yang Diterima Pakai;

- 8.5.13 Sekiranya terdapat apa-apa prosiding termasuk prosiding guaman berkaitan dengan Penyewa, Peti tersebut dan/atau kandungannya;
- 8.5.14 Bank mempunyai apa-apa keraguan terhadap ketulenan, kejelasan atau kelengkapan arahan tersebut;
- 8.5.15 Tandatangan pada arahan tersebut berbeza daripada tandatangan contoh dalam rekod Bank; dan

Dalam keadaan sedemikian, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Penyewa terhadap apa-apa kerugian, kos dan/atau perbelanjaan yang dialami/ditanggung oleh Penyewa berikutan keengganan tersebut.

- 8.6 Bagi Penyewa bersama atau sekiranya Penyewa adalah perkongsian, syarikat, kelab, persatuan, pertubuhan atau badan kerajaan atau berkanun,
 - 8.6.1 Sekiranya berlaku pertikaian antara Penyewa dan/atau Orang yang Dibenarkan; atau
 - 8.6.2 Apabila menerima arahan yang bercanggah daripada Penyewa dan/atau Orang yang Dibenarkan berkaitan dengan Perjanjian ini dan/atau Peti tersebut;

Bank berhak untuk tidak membenarkan Penyewa atau Orang yang Dibenarkan untuk mengakses Peti tersebut dan hanya membenarkan akses sedemikian atas arahan semua Penyewa bersama atau Orang yang Dibenarkan, tanpa mengambil kira kaedah pengendalian Peti berkenaan. Dalam keadaan sedemikian, Bank tidak bertanggungjawab kepada mana-mana Penyewa atas keengganannya untuk membenarkan akses kepada Peti tersebut.

9. PEMINDAHAN SEMULA/PEMINDAHAN PETI

- 9.1 Bank boleh pada bila-bila masa memindahkan semula atau memindahkan Peti tersebut ke mana-mana cawangan lain Bank atau mana-mana tempat lain seperti yang ditentukan oleh Bank dengan memberi notis satu (1) bulan kepada Penyewa.

10. TIDAK MENYERAH HAK/MENYEWAKAN SEMULA

- 10.1 Penyewa tidak boleh menyerahkan hak atau menyewakan semula Peti tersebut kepada mana-mana orang lain.

11. BANK BUKAN BAILI ATAU PEMEGANG AMANAH

- 11.1 Bank bukan baili atau pemegang amanah bagi kandungan dalam Peti tersebut. Ini tidak akan dilaksanakan melalui apa-apa notis atau amanah atau hak sama rata yang mengikat kandungan dalam Peti tersebut tidak kira sama ada Bank menerima atau tidak menerima notis bagi amanah atau hak sedemikian.

12. LIEN

- 12.1 Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan apa-apa hak lain yang Bank mungkin ada di bawah Perjanjian ini dan dari segi undang-undang, Bank hendaklah mempunyai lien am atau cagaran ke atas kandungan dalam Peti tersebut sekiranya terdapat wang yang perlu dibayar dan terhutang oleh Penyewa kepada Bank, sama ada berikutan daripada Perjanjian ini atau sebaliknya.

13. ISI KANDUNGAN PETI

- 13.1 Penyewa tidak boleh menggunakan atau membenarkan Peti tersebut digunakan untuk:
 - 13.1.1 Apa-apa tujuan yang menyalahi undang-undang termasuk sebagai saluran bagi atau untuk memudahkan aktiviti yang dilarang oleh Undang-undang yang Diterima Pakai;
 - 13.1.2 Pendepositan apa-apa tunai atau wang, perolehan atau dana dalam apa jua mata wang, sama ada untuk tujuan menyorok atau sebaliknya dan sama ada diperoleh secara haram atau tidak bagi tujuan untuk mengelakkan mana-mana Undang-undang yang Diterima Pakai;
 - 13.1.3 Apa-apa tujuan lain selain daripada untuk mendeposit barang yang bersesuaian sifatnya yang boleh diinsuranskan oleh Penyewa.

14. MEMECAH PETI UNTUK MEMBUKANYA

- 14.1 Penyewa hendaklah apabila diminta oleh Bank, membenarkan Bank, ejen, wakil atau kakitangannya untuk memeriksa kandungan dalam Peti tersebut bagi tujuan untuk memastikan Penyewa mematuhi mana-mana Undang-undang yang Diterima Pakai dan Fasal 13 Perjanjian ini.
- 14.2 Bank berhak untuk memecahkan Peti tersebut untuk membukanya mengikut prosedur pengendalian Bank dan sekiranya terdapat pakej bertutup atau atau bekas bertutup atau berkunci dalam Peti tersebut, Bank berhak untuk membuka kunci dan/atau mengeluarkan penutup/kunci itu di bawah keadaan yang berikut:
- 14.2.1 Sebagai mematuhi apa-apa Undang-undang yang Diterima Pakai atau perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank;
- 14.2.2 Mengikut budi bicara mutlak Bank, Penyewa telah melanggar Fasal 13 Perjanjian ini; atau
- 14.2.3 Penyewa gagal untuk mematuhi permintaan Bank menurut Fasal 14.1 Perjanjian ini; dan
- Dalam keadaan sedemikian, Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian dan/atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Penyewa berikutan tindakan Bank itu.
- 14.3 Sekiranya Bank melaksanakan haknya di bawah Fasal 14.2 Perjanjian ini, Bank berhak untuk berurusan dengan atau melupuskan kandungan dalam Peti tersebut mengikut kaedah seperti yang dinyatakan dalam Fasal 18.7, 18.8, 18.9 and 18.10 Perjanjian ini atau menghantar kandungan itu kepada pihak berkuasa atau pihak yang berkenaan mengikut arahan, pekeling, perintah dan/atau notis yang dikeluarkan atau diberikan kepada Bank. Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian dan/atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Penyewa berikutan tindakan Bank itu.
- 14.4 Bank tidak bertanggungjawab untuk mempertikaikan kesahan apa-apa arahan, perintah dan pekeling yang dikeluarkan oleh mana- mana mahkamah, tribunal, badan atau pihak berkuasa kerajaan atau organisasi kawal selia sendiri dengan bidang kuasa ke atas Bank.
- 14.5 Sekiranya Bank menjalankan haknya untuk membuka Peti tersebut di bawah apa-apa keadaan seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian ini termasuk tetapi tidak terhad kepada membuka secara memecahkannya, ia akan dilakukan di hadapan sekurang-kurangnya dua (2) orang pegawai Bank. Senarai inventori kandungan yang ada dalam Peti tersebut akan disediakan dan ditandatangani oleh dua (2) orang pegawai Bank yang menyaksikan Peti tersebut dibuka. Senarai inventori berkenaan adalah konklusif bagi kandungan dalam Peti tersebut apabila ia dibuka untuk semua tujuan. Walau apa pun, Bank berhak untuk menukar prosedur misalnya mendapatkan mana-mana peguam untuk menyaksikan pembukaan Peti tersebut.
- 14.6 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank berkaitan dengan apa-apa pemecahan peti tersebut secara paksa akan ditanggung sepenuhnya oleh Penyewa.

15. BARANG YANG HILANG YANG DITEMUI DI KAWASAN PETI SIMPAN SELAMAT

- 15.1 Penyewa bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa barang yang tercier oleh Penyewa, sama ada daripada Peti tersebut atau di Kawasan Peti Simpan Selamat tersebut.
- 15.2 Sekiranya apa-apa barang ditemui di Kawasan Peti Simpan Selamat tersebut bukan milik Penyewa, Penyewa perlu menyerahkannya kepada Bank.
- 15.3 Senarai barang yang ditemui oleh kakitangan Bank di Kawasan Peti Simpan Selamat tersebut akan dipaparkan pada papan notis Bank di cawangan Kawasan Peti Simpan Selamat berkenaan dan Penyewa yang merupakan pemilik barang itu hendaklah menuntunya dalam tempoh satu (1) bulan kalendar dari tarikh notis diberi.
- 15.4 Sekiranya Penyewa gagal untuk menuntut barang tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, Bank berhak untuk melupuskan barang tersebut dengan cara yang dinyatakan dalam Fasal 18.7, 18.8, 18.9 dan 18.10 Perjanjian ini. Bank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian dan/atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Penyewa berikutan tindakan Bank itu.

16. PERWAKILAN DAN JAMINAN

- 16.1 Penyewa mewakilkan dan menjamin bahawa:

- 16.1.1 Beliau mempunyai kapasiti guaman dan kuasa penuh untuk memeterai Perjanjian ini, menyenggara, mengakses dan memberi semua arahan berkaitan dengan Peti tersebut;
- 16.1.2 Tiada orang lain selain daripada Penyewa yang mempunyai kepentingan dalam kandungan Peti tersebut;
- 16.1.3 Tiada prosiding kebangkrapan atau penggulungan telah dimulakan atau diancam untuk diambil terhadap Penyewa;
- 16.1.4 Semua maklumat yang diberi oleh Penyewa kepada Bank berkaitan dengan Peti tersebut dan Perjanjian ini tidak mengandungi apa-apa kenyataan yang tidak benar atau mengelirukan atau keteringgalan untuk menyebut apa-apa fakta;
- 16.1.5 Beliau tidak menyedari dan tidak sengaja menyembunyikan apa-apa maklumat atau fakta yang boleh menyebabkan Bank melanggar mana-mana Undang-undang yang Diterima Pakai dengan memeterai Perjanjian ini dengan Penyewa; dan
- 16.1.6 Beliau tidak terlibat dalam apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang.

17. PENGGULUNGAN/KETAKSOLVENAN/KEMATIAN

- 17.1 Bagi individu, apabila berlaku kematian, ketidakupayaan mental atau kebangkrapan Penyewa, Bank boleh membekukan atau menggantung akses kepada Peti tersebut tanpa bertanggungjawab kepada Penyewa sehingga Bank menerima bukti memuaskan bagi orang yang mempunyai kuasa sah untuk mengakses Peti tersebut.
- 17.2 Tanpa mengambil kira Fasal 17.1, Bank berhak untuk membenarkan:
 - 17.2.1 Mana-mana orang yang mendakwa layak untuk mentadbir harta pusaka Penyewa untuk mengakses Peti tersebut bagi tujuan untuk menyediakan inventori bagi permohonan untuk mendapatkan geran probet dan surat kuasa tadbir harta pusaka Penyewa; dan
 - 17.2.2 Mana-mana orang yang mendakwa sebagai wasi harta pusaka Penyewa yang ditetapkan untuk mengakses Peti tersebut dan mendapatkan wasiat atau dokumen wasiat Penyewa. Sekiranya Bank mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa orang itu berkemungkinan wasi bagi harta pusaka Penyewa, Bank mungkin tidak akan membenarkan orang tersebut memindahkan wasiat atau dokumen wasiat Penyewa daripada Peti tersebut. Dalam apa jua keadaan, Bank berhak untuk mendapatkan sesalinan wasiat atau dokumen wasiat Penyewa.
- 17.3 Tanpa menjejaskan Fasal 17.1 di atas, bagi Penyewa bersama, doktrin kelangsungan hidup boleh diguna pakai sekiranya berlaku kematian salah seorang Penyewa. Bank dibenarkan untuk bertindak berdasarkan arahan Penyewa yang hidup termasuk tetapi tidak terhad kepada penamatan Perjanjian ini dan akses kepada Peti tersebut oleh Penyewa yang masih hidup. Apa-apa tindakan yang diambil oleh Bank berdasarkan arahan yang diberi oleh Penyewa yang masih hidup hendaklah mengikat ke atas setiap Penyewa dan wakil peribadi masing-masing yang dilantik.
- 17.4 Bagi Penyewa bukan individu,
 - 17.4.1 Bank boleh menolak untuk menerima atau bertindak atas arahan yang diberi oleh mana-mana Orang yang Dibenarkan oleh Penyewa yang telah diisytiharkan bankrap tanpa bertanggungjawab kepada Penyewa;
 - 17.4.2 Selepas petisyen penggulungan atau apa-apa notis pembubaran dikemukakan terhadap Penyewa, Bank boleh membekukan atau menggantung akses kepada Peti tersebut tanpa bertanggungjawab kepada Penyewa sehingga Bank menerima bukti memuaskan bagi orang yang mempunyai kuasa yang sah untuk mengakses Peti tersebut.
- 17.5 Bagi syarikat, pertubuhan, kelab, persatuan, badan kerajaan atau berkanun atau perkongsian yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, sekiranya Orang yang Dibenarkan meninggal dunia, Bank dibenarkan untuk bertindak atas arahan Orang yang Dibenarkan yang masih hidup berkaitan dengan Perjanjian ini dan Peti tersebut seolah-olah Orang yang Dibenarkan yang meninggal dunia itu bukanlah Orang yang Dibenarkan berkaitan dengan Peti tersebut sehingga Bank menerima maklumat secara bertulis daripada Penyewa mengenai apa-apa pertukaran atau perubahan pada kaedah pengendalian Peti tersebut.

18. PENAMATAN

Penamatan oleh Bank

- 18.1 Bank boleh menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberi notis satu (1) bulan terlebih dahulu kepada Penyewa.
- 18.2 Tanpa mengambil kira mana-mana fasal lain dalam Perjanjian ini, Bank boleh menamatkan Perjanjian ini dengan serta-merta apabila berlakunya keadaan yang berikut:
- 18.2.1 Apa-apa amaun yang perlu dibayar dan terhutang kepada Bank di bawah Perjanjian ini termasuk sewa tahunan tidak dibayar;
 - 18.2.2 Penyewa mungkir atau mengugut untuk memungkir mana-mana fasal di bawah Perjanjian ini;
 - 18.2.3 Penyewa tidak mematuhi Undang-undang yang Diterima Pakai;
 - 18.2.4 Apa-apa tindakan perwakilan, jaminan atau aku janji yang dibuat kepada Bank oleh Penyewa tidak betul atau mengelirukan;
 - 18.2.5 Penyewa meninggal dunia atau kehilangan upaya, menjadi tidak waras, insolven, bankrap atau membenarkan apa-apa penghakiman untuk terus tidak dipatuhi bagi tempoh selama dua puluh satu (21) hari;
 - 18.2.6 Sekiranya Penyewa melakukan apa-apa tindakan kebangkrapan atau tidak dapat membayar hutangnya, atau menunda pembayaran hutangnya atau membuat apa-apa persetujuan atau aturan dengan atau untuk manfaat pemiutangnya;
 - 18.2.7 Sekiranya apa-apa resolusi diluluskan atau sekiranya petisyen dikemukakan terhadap Penyewa;
 - (a) Untuk kebangkrapan, likuidasi, penggulungan atau pembubaran; atau
 - (b) Untuk pelantikan pembubar, penerima dan/atau pengurus, pemegang amanah atau pengurus kehakiman atau pegawai yang setara dilantik;
 - 18.2.8 Sekiranya pembubar, penerima dan/atau pengurus, pemegang amanah, pengurus kehakiman atau pegawai yang setara dilantik untuk semua atau sebahagian besar aset Penyewa;
 - 18.2.9 Sekiranya pelaksanaan atau apa-apa bentuk tindakan penarikan semula atau penguatkuasaan dikenakan atau diambil terhadap mana-mana aset Penyewa;
 - 18.2.10 Pada bila-bila masa selepas pemeteraian Perjanjian ini, undang-undang dan peraturan yang mengawal Bank menjadikannya tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak mungkin bagi Bank untuk membenarkan Penyewa atau untuk terus membenarkan Penyewa untuk menyewa Peti tersebut atau untuk mematuhi obligasi Bank di bawah Perjanjian ini;
 - 18.2.11 Terdapat siasatan yang belum selesai, sedang dijalankan atau diancam untuk dimulakan oleh polis, pihak berkuasa atau pengawal selia terhadap Penyewa;
 - 18.2.12 Terdapat prosiding litigasi (sama ada sivil atau jenayah), arbitrase atau pentadbiran yang belum selesai, sedang dijalankan atau diancam untuk dimulakan terhadap Penyewa;
 - 18.2.13 Terdapat laporan yang dibuat terhadap Penyewa di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001;
 - 18.2.14 Penyewa dituduh atau didapati bersalah bagi apa-apa kesalahan jenayah atau mempunyai rekod jenayah;
 - 18.2.15 Bank mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Peti tersebut digunakan untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Penamatan oleh Penyewa

- 18.3 Bagi Penyewa bersama atau sekiranya terdapat lebih daripada seorang (1) Penyewa bersama atau Orang yang Dibenarkan, adalah dipersetujui bahawa Bank boleh menamatkan Perjanjian ini apabila menerima arahan bertulis yang ditandatangani sewajarnya selaras dengan kaedah pengendalian Peti. Arahan sedemikian hendaklah mengikat semua Penyewa bersama (jika individu) dan Penyewa (jika syarikat, pertubuhan, kelab, perkongsiang, badan kerajaan atau berkanun atau persatuan).

Kesan daripada Penamatan

- 18.4 Selepas Perjanjian ini ditamatkan, fasal yang berikut akan diterima pakai:
- 18.4.1 Kesemua kandungan dalam Peti tersebut akan dikeluarkan oleh Penyewa dengan serta-merta dan Peti tersebut akan diserahkan kepada Bank dalam keadaan baik;
 - 18.4.2 Kesemua Anak Kunci yang diberikan oleh Bank kepada Penyewa akan dipulangkan kepada Bank dalam keadaan baik; dan
 - 18.4.3 Deposit untuk Anak Kunci akan dipulangkan kepada Penyewa tanpa dikenakan faedah selepas ditolak apa-apa amaun yang terhutang dan perlu dibayar oleh Penyewa kepada Bank termasuk apa-apa kos, perbelanjaan dan/atau penalti yang dialami atau dicaj oleh Bank berkaitan dengan pembaikan atau penggantian Peti tersebut dan/atau Anak Kunci sentiasa dengan syarat bahawa kesemua Anak Kunci telah dipulangkan kepada Bank.
- 18.5 Selepas semua Anak Kunci dipulangkan kepada Bank, adalah dianggap bahawa kesemua kandungan dalam Peti tersebut telah dikeluarkan oleh Penyewa. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan sekiranya Penyewa gagal untuk mengeluarkan kesemua kandungan dalam Peti tersebut sebelum Anak Kunci dipulangkan.

Kegagalan untuk mengeluarkan kandungan dalam Peti tersebut atau memulangkan Anak Kunci selepas Perjanjian ini ditamatkan

- 18.6 Sekiranya Penyewa gagal untuk mengeluarkan kesemua kandungan dalam Peti tersebut atau memulangkan kesemua Anak Kunci pada atau sebelum tarikh penamatan Perjanjian ini dikuatkuasakan, Bank berhak untuk mengambil langkah-langkah yang berikut tanpa notis selanjutnya kepada Penyewa:
- 18.6.1 Mengenakan caj bersamaan dengan sewa tahunan bagi tempoh bermula pada hari berikutnya selepas penamatan Perjanjian ini dikuatkuasakan sehingga kesemua kandungan dalam Peti tersebut tidak lagi disimpan dengan Bank dan semua Anak Kunci telah dipulangkan kepada Bank; dan/atau
 - 18.6.2 Memecahkan Peti tersebut untuk membukanya berdasarkan prosedur pengendalian Bank dan kesemua kandungan dalam Peti tersebut akan dikeluarkan. Sekiranya terdapat pakej bertutup atau bekas bertutup atau berkunci dalam Peti tersebut, Bank berhak untuk membuka kunci dan/atau mengeluarkan penutup/kunci berkenaan. Bank tidak bertanggungjawab atas apa-apa kerugian dan/atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Penyewa berikutan tindakan Bank itu.
- 18.7 Tanpa menjejaskan apa-apa hak dan remedi yang Bank mungkin ada di bawah undang-undang dan/atau Perjanjian ini, Bank berhak untuk:
- 18.7.1 Menyerahkan kandungan yang dikeluarkan dari Peti tersebut dengan cara yang Bank anggap sesuai, dengan kos dan perbelanjaan ditanggung oleh Penyewa;
 - 18.7.2 Mengekalkan kandungan yang terdapat dalam Peti tersebut dalam Peti tersebut atau di tempat lain yang Bank anggap sesuai dengan kos dan perbelanjaan ditanggung oleh Penyewa;
 - 18.7.3 Melupuskan kandungan yang dikeluarkan daripada Peti tersebut dengan cara yang Bank anggap sesuai termasuk melalui lelongan awam, pemusnahan atau menyerahkannya kepada polis atau pihak berkuasa berkaitan dengan kos dan perbelanjaan ditanggung oleh Penyewa; dan

Dalam keadaan sedemikian, Bank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian dan/atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Penyewa berikutan tindakan Bank itu. Semua risiko berikutan tindakan tersebut hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Penyewa.

- 18.8 Sekiranya Bank melupuskan kandungan dalam Peti tersebut melalui jualan, Bank berhak untuk menggunakan hasil jualan itu untuk membayar apa-apa amaun yang perlu dibayar dan terhutang oleh Penyewa di bawah Perjanjian ini serta hutang dan liabiliti lain yang Penyewa mungkin terhutang kepada Bank, sama ada berikutan daripada perjanjian bertulis, perintah mahkamah, penghakiman atau sebaliknya (“Amaun Terhutang”).
- 18.9 Sekiranya terdapat apa-apa lebih selepas perolehan digunakan bagi penyelesaian Amaun Terhutang kepada Bank, ia akan diletakkan dalam akaun yang tidak menghasilkan faedah. Sekiranya wang itu tidak dituntut dan dikelaskan sebagai wang tidak dituntut berdasarkan Undang-undang yang Diterima Pakai, Bank akan menyerahkan wang itu kepada pihak berkuasa berkenaan menurut Undang-undang yang Diterima pakai.
- 18.10 Sekiranya mana-mana kandungan dalam Peti tersebut tidak boleh dijual atau tidak dijual oleh Bank atas apa jua sebab, Bank berhak untuk, sekiranya tidak dapat menghubungi Penyewa, membuat laporan polis dan selepas itu, menyerahkan barang yang tidak boleh dijual atau tidak dijual itu kepada polis atau mana-mana pihak berkuasa berkenaan atau memusnahkan barang tersebut. Bank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian dan/atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Penyewa berikutan tindakan Bank itu.

19. PENGECUALIAN LIABILITI

- 19.1 Kandungan dalam Peti tersebut didepositkan dalam Peti tersebut oleh Penyewa sepenuhnya atas risikonya sendiri.
- 19.2 Bank dianggap tidak mengetahui bentuk atau nilai kandungan dalam Peti tersebut.
- 19.3 Sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang dan tanpa menjejaskan mana-mana fasal lain dalam Perjanjian ini, Bank termasuk para pengarah, pegawai dan kakitangannya tidak bertanggungjawab atas kerosakan kepada atau apa-apa kehilangan kandungan dalam Peti tersebut, sama ada dalam Peti tersebut atau dalam Kawasan Peti Simpan Selamat yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada peristiwa yang berikut:
- 19.3.1 Peti tersebut dibuka dan kandungannya dikeluarkan oleh mana-mana orang, sama ada dibenarkan atau tidak, yang membawa bersamanya Anak Kunci ‘B’;
- 19.3.2 Penyewa hilang Anak Kuncinya;
- 19.3.3 Tindakan mereka yang menyamar sebagai Penyewa atau Orang yang Dibenarkan;
- 19.3.4 Rompakan, samun, pecah masuk, kecurian, masuk secara paksa atau haram, sama ada dengan atau tanpa kekerasan, bersenjata atau sebaliknya;
- 19.3.5 Bencana alam atau bencana lain termasuk kebakaran, banjir, angin, ribut, gempa bumi, tanah runtuh, letupan atau runtuhannya mana-mana bangunan atau struktur atau mana-mana bahagiannya;
- 19.3.6 Apa-apa serangan, penyusupan, kebocoran, penyerapan atau hakisan oleh atau apa-apa organisme atau bahan dalam apa jua bentuk, sama ada hidup atau tidak hidup dan sama ada dalam bentuk pepejal, cecair atau gas;
- 19.3.7 Menurut apa-apa Undang-undang yang Diterima Pakai atau perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank;
- 19.3.8 Dalam melaksanakan hak, kuasa dan remedi Bank di bawah Perjanjian ini dan/atau undang-undang;
- 19.3.9 Apa-apa peperangan, rusuhan, sabotaj, gangguan sivil, rampasan, nasionalisasi atau pengambilalihan atau kemusnahan, atau kerosakan harta benda oleh atau mengikut arahan pihak berkuasa kerajaan atau awam;
- 19.3.10 Apa-apa sebab di luar kawalan Bank.

- 19.4 Tanpa mengambil kira apa-apa yang bercanggah, Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas apa-apa kerugian atau ganti rugi secara tidak langsung, luar kawalan, tidak sengaja, berakibat, punitif atau tertentu yang ditanggung atau dialami oleh Penyewa berikutan penyewaan Peti di bawah Perjanjian ini.
- 19.5 Tanpa menjejaskan mana-mana fasal lain di bawah Perjanjian ini dan tanpa menjejaskan keluasan makna Fasal 19, dalam apa jua keadaan, liabiliti Bank kepada Penyewa atas apa-apa kerugian atau ganti rugi di bawah Perjanjian ini, berkaitan dengan Peti tersebut dan kandungannya hendaklah tidak melebihi jumlah terkumpul sebanyak RM10,000.

20. INSURANS

- 20.1 Melainkan dikehendaki oleh undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab untuk mengambil apa-apa insurans berkaitan dengan Peti tersebut dan/atau kandungan dalam Peti tersebut terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi atau untuk apa-apa peristiwa luar jangka lain. Walau bagaimanapun, Bank boleh (tetapi tidak bertanggungjawab) atas kehendaknya sendiri untuk mengambil insurans berkenaan dengan terma dan syarat yang Bank anggap wajar.
- 20.2 Sekiranya Bank mengambil apa-apa insurans berkaitan dengan Peti tersebut dan/atau kandungan dalam Peti tersebut, sama ada atas kehendaknya sendiri atau mengikut keperluan oleh pengawalseliana, Persatuan Bank-bank Dalam Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa atau badan yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank,
- 20.2.1 Perlindungan insurans yang diambil oleh Bank adalah terhadap tuntutan tunggal sahaja untuk kerugian atau ganti rugi akibat rompakan dan/atau samun dan hendaklah tertakluk pada terma polisi insurans dan sehingga perlindungan maksimum sebanyak RM10,000 sahaja; dan
- 20.2.2 Apabila berlakunya apa-apa peristiwa yang berpotensi membenarkan Bank untuk mengemukakan tuntutan di bawah polisi insurans, Penyewa hendaklah dengan segera melakukan semua tindakan yang diperlukan untuk membantu dari segi tuntutan, termasuk menyediakan dokumen dan bukti yang diperlukan, membuat laporan polis dan menyempurnakan semua dokumentasi yang perlu.

Dalam semua keadaan, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Penyewa bagi apa-apa kegagalan atau keengganan insurer untuk membuat bayaran berkaitan dengan tuntutan Penyewa atau apa-apa polisi insurans yang tidak sah atas apa jua sebab.

Insurans yang diambil oleh Bank berkaitan dengan Peti dan/atau isi kadungannya tidak lagi diterima pakai sekiranya apa-apa amaun yang perlu dibayar dan terhutang kepada Bank di bawah Perjanjian ini tidak dibayar, termasuk sewa tahunan, atau apabila Perjanjian telah ditamatkan oleh Penyewa atau Bank.

- 20.3 Penyewa mengakui bahawa Bank telah menasihatkan dan telah dipersetujui bahawa Penyewa bertanggungjawab untuk memastikan kandungan dalam Peti Simpan Selamat tersebut mempunyai perlindungan insurans yang mencukupi pada setiap masa. Penyewa boleh mendapatkan perlindungan insurans tambahan untuk Peti Simpan Selamat dengan kos dan perbelanjaan Penyewa sendiri daripada insurer Bank.

21. TANGGUNG RUGI

- 21.1 Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan apa-apa hak atau remedi yang ada pada Bank (mengikut undang-undang atau sebaliknya) dan sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Penyewa hendaklah menanggung rugi dan mengelakkan Bank daripada menanggung rugi sepenuhnya pada setiap masa daripada dan terhadap semua tuntutan, kerugian, kos, ganti rugi, liabiliti, caj dan perbelanjaan termasuk fi guaman dan kos dan semua cukai barang dan perkhidmatan, cukai-cukai lain, duti dan levi yang perlu dibayar atas kos, caj dan perbelanjaan yang Bank mungkin tanggung, alami atau dikenakan disebabkan oleh:
- 21.1.1 Penyewa tidak mematuhi atau melanggar Perjanjian ini;
- 21.1.2 Bank bertindak mengikut mana-mana arahan yang dikatakan diberi kepada Bank menurut Perjanjian ini termasuk tetapi tidak terhad kepada penamatan Perjanjian ini;

- 21.1.3 Apa-apa perubahan dalam Undang-undang yang Diterima Pakai termasuk tetapi tidak terhad kepada undang-undang percukaian atau peraturan mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank;
- 21.1.4 Apa-apa tindakan yang diambil oleh mana-mana pihak terhadap Penyewa atas apa jua sebab termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa penggunaan Peti tersebut yang menyalahi undang-undang, berbentuk penipuan, cuai atau tidak dibenarkan;
- 21.1.5 Pemeliharaan atau penguatkuasaan hak Bank di bawah Perjanjian ini;
- 21.1.6 Pematuhan oleh Bank terhadap apa-apa kehakiman, perintah mahkamah, dikri, arahan, undang-undang, peraturan atau apa-apa perintah yang dikeluarkan oleh mana-mana tribunal atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank; atau
- 21.1.7 Apa-apa penglibatan Bank dalam apa jua bentuk prosiding bagi melindungi atau yang berkaitan dengan Perjanjian ini.

22. PENDEDAHAN MAKLUMAT

- 22.1 Tanpa menjejaskan apa-apa hak pendedahan lain yang Bank mungkin ada di bawah undang-undang, Penyewa bersetuju dan memberi keizinan kepada Bank termasuk kakitangan Bank, ejen atau mana-mana orang yang Bank beri kebenaran untuk mengakses rekod Bank berkaitan dengan Penyewa untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan dengan Penyewa, Perjanjian ini dan Peti tersebut kepada mereka yang berikut:
 - 22.1.1 Mana-mana satu atau lebih ahli Kumpulan Public Bank bagi tujuan:
 - (a) Pelaporan;
 - (b) Pelaksanaan fungsi berpusat termasuk tetapi tidak terhad pada audit, risiko, pengurusan, kewangan dan teknologi maklumat;
 - (c) Pematuhan dasar, garis panduan, arahan atau keperluan Kumpulan Public Bank;
 - (d) Tindakan korporat;
 - (e) Pencegahan penipuan dan jenayah;
 - (f) Pemungutan hutang;
 - (g) Penyumberluaran fungsi dan/atau operasi Bank;
 - (h) Penyiasatan, pencegahan atau seumpamanya berkaitan dengan pengubahan wang haram dan aktiviti jenayah;
 - (i) Memperbaiki dan pelanjutan pemberian perkhidmatan lain oleh Bank atau mana-mana Kumpulan Public Bank kepada Penyewa;
 - 22.1.2 Mana-mana orang yang mempunyai kaitan dengan apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil oleh Bank untuk melindungi, memelihara dan menguatkuasakan hak Bank di bawah Perjanjian ini;
 - 22.1.3 Mana-mana orang yang dilantik oleh Bank bagi tujuan untuk melaksanakan atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsi perkhidmatan atau operasi yang disumberluarkan;
 - 22.1.4 Juruaudit, peguam dan penasihat profesional Bank;
 - 22.1.5 Polis atau mana-mana pegawai awam yang menjalankan siasatan berkaitan dengan apa-apa kesalahan termasuk kesalahan yang disyaki;
 - 22.1.6 Pencetak alat tulis Bank, vendor sistem komputer yang digunakan oleh Bank dan mereka yang memasang dan menyelenggaranya serta pembekal barang dan perkhidmatan lain yang dilantik oleh Bank;

- 22.1.7 Mana-mana agensi penarafan;
 - 22.1.8 Mana-mana peserta sebenar atau bakal peserta atau subpeserta berkaitan dengan obligasi Bank di bawah Terma dan Syarat ini, atau penerima serah hak, novati atau penerima pindahan;
 - 22.1.9 Mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank atau mana-mana ahli Kumpulan PBB;
 - 22.1.10 Mana-mana pihak berkuasa percukaian atau penyiasatan bagi tujuan untuk memudahkan pertukaran maklumat berkaitan dengan hal-ehwal cukai;
 - 22.1.11 Mana-mana pihak yang perlu untuk Bank bagi pelaksanaan obligasinya di bawah Perjanjian ini;
 - 22.1.12 Mana-mana orang yang Bank atau mana-mana ahli Kumpulan Public Bank dibenarkan atau dikehendaki untuk didedahkan di bawah undang-undang mana-mana negara; dan
 - 22.1.13 Orang yang Dibenarkan.
- 22.2 Bank dan Kumpulan Public Bank boleh bertindak dalam apa jua cara yang Bank anggap wajar sekiranya perintah mahkamah yang dikeluarkan oleh mahkamah dalam apa jua bidang kuasa diserahkan kepada Bank. Penyewa bersetuju bahawa beliau tidak akan mempertanggungjawabkan Bank atas apa-apa kerugian atau ganti rugi berkaitan dengan tindakan Bank.
- 22.3 Penyewa mengesahkan bahawa beliau telah menerima, membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Notis Privasi yang dikeluarkan oleh Bank yang boleh didapati melalui www.pbebank.com. Penyewa bersetuju bahawa kandungan Notis Privasi ini akan dianggap sebagai telah digabungkan secara rujukan dalam Perjanjian ini.

23. CUKAI

- 23.1 Penyewa bertanggungjawab untuk membayar apa-apa cukai atau levi yang dikehendaki oleh undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan di bawah mana-mana undang-undang sedemikian (dan hendaklah termasuk apa-apa pindaan kepada undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan tersebut) untuk dibayar kepada badan atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank berkaitan dengan fi dan caj yang dikenakan atau ditanggung oleh Bank dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank berkaitan dengan Perjanjian ini.
- 23.2 Apa-apa cukai atau levi yang ditanggung oleh Bank berkaitan dengan Perjanjian ini dan apa-apa barang atau perkhidmatan yang disediakan di bawah Perjanjian ini hendaklah ditanggung oleh dan dicaj kepada Penyewa dan sekiranya Bank membuat apa-apa pembayaran, Penyewa bertanggungjawab untuk membayar balik kepada Bank amaun yang telah dibayar itu.

24. KOS

- 24.1 Semua kos dan perbelanjaan termasuk kos guaman, caj dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank berkaitan dengan Perjanjian ini, bagi pemeliharaan atau penguatkuasaan hak Bank di bawah Perjanjian ini atau bagi apa-apa prosiding guaman, sama ada Bank terlibat secara langsung atau tidak langsung akan ditanggung oleh Penyewa.
- 24.2 Bank berhak untuk mendebit akaun Penyewa yang disenggara dengan Bank atau PIBB bagi kos, caj dan perbelanjaan berkenaan.

25. NOTIS DAN KOMUNIKASI

- 25.1 Apa-apa notis, tuntutan, permintaan atau komunikasi yang dihantar oleh Bank kepada Penyewa boleh:
 - 25.1.1 Dihantar melalui serahan tangan ke alamat terakhir Penyewa yang diketahui oleh Bank;
 - 25.1.2 Dihantar melalui pos (berdaftar, AR berdaftar, biasa atau seumpamanya) atau melalui kurier kepada alamat terakhir Penyewa yang diketahui oleh Bank;

- 25.1.3 Dihantar melalui faksimile kepada nombor faksimile terakhir yang diketahui oleh Bank;
 - 25.1.4 Dihantar melalui mel elektronik kepada alamat mel elektronik terakhir yang diketahui oleh Bank;
 - 25.1.5 Dihantar melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) ke nombor telefon mudah alih terakhir yang diketahui oleh Bank; atau
 - 25.1.6 Disampaikan kepada Penyewa dengan memaparkannya melalui laman web Bank.
- 25.2 Notis, tuntutan atau komunikasi tersebut akan dianggap sebagai telah diterima oleh Penyewa:
- 25.2.1 Pada masa penghantaran ke alamat Penyewa, jika dihantar melalui serahan tangan;
 - 25.2.2 Pada hari ketiga (3) (termasuk hari pengeposan atau penghantaran melalui kurier) dari tarikh ia dipos atau dihantar melalui kurier;
 - 25.2.3 Pada masa transmisi faksimile selesai;
 - 25.2.4 Pada masa penghantaran mel elektronik selesai;
 - 25.2.5 Pada masa penghantaran SMS selesai; atau
 - 25.2.6 Pada masa ia dipaparkan melalui laman web Bank.
- 25.3 Penyewa bersetuju untuk memaklumkan kepada Bank dengan segera mengenai apa-apa perubahan dalam alamat surat-menyurat, mel atau tempat kediaman dan maklumat untuk menghubunginya (“Maklumat”). Sekiranya Penyewa tidak memaklumkan kepada Bank mengenai apa-apa perubahan dalam Maklumatnya, Penyewa bersetuju bahawa Bank boleh bergantung pada mana-mana alamat dan/atau maklumat untuk menghubungi seperti yang terdapat dalam rekod Bank atau yang diperoleh oleh Bank daripada apa-apa komunikasi yang dikatakan diberi oleh Penyewa kepada Bank.
- 25.4 Apa-apa kegagalan oleh Penyewa untuk memaklumkan kepada Bank mengenai perubahan dalam Maklumatnya yang menyebabkan kelewatan atau surat-menyurat dan/atau notis tidak sampai kepadanya tidak akan menjejaskan hak dan kelayakan Bank di bawah Perjanjian ini.
- 25.5 Bagi Penyewa bersama, Bank hanya akan menghantar notis atau komunikasi kepada mereka menggunakan alamat surat-menyurat yang dinyatakan oleh Penyewa dan notis serta komunikasi tersebut hendaklah dianggap sebagai telah dihantar kepada semua Penyewa bersama.

26. HAK UNTUK MENDEBIT

- 26.1 Tanpa menjejaskan apa-apa hak lain yang Bank mungkin ada di bawah Perjanjian ini atau melalui pelaksanaan undang-undang, Bank boleh pada bila-bila masa mendebit akaun Penyewa yang disenggara dengan Bank atau PIBB, sama ada secara individu atau bersama, bagi apa-apa wang yang perlu dibayar oleh Penyewa kepada Bank di bawah Perjanjian ini.

27. HAK UNTUK MENOLAK SELESAI

- 27.1 Sebagai tambahan kepada apa-apa hak am untuk menolak selesai yang Bank mungkin ada di bawah undang-undang atau perjanjian lain, Bank boleh memberi notis selama tujuh (7) hari kepada Penyewa atau tempoh lain seperti yang dikehendaki di bawah apa-apa peraturan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa, mana-mana yang terdahulu, untuk menolak selesai apa-apa amaun yang terhutang dan perlu dibayar oleh Penyewa kepada Bank di bawah Perjanjian ini dengan mana-mana akaun Penyewa yang disenggara dengan Bank atau PIBB.
- 27.2 Apabila notis seperti yang disebut di atas dikeluarkan, Penyewa bersetuju bahawa Bank berhak untuk menguntukkan atau memegang baki kredit sebelum menolak selesai. Penyewa tidak mempunyai hak untuk mengeluarkan apa-apa baki kredit tanpa mendapatkan kebenaran bertulis daripada Bank terlebih dahulu.

28. DASAR ANTIRASUAH DAN ANTISOGOKAN BANK

- 28.1 Bank telah melaksanakan Dasar Antirasuah dan Antisogokan (“Dasar ABAC”) yang menerima pakai “pendekatan toleransi sifar” terhadap apa jua bentuk rasuah dan sogokan dalam menjalankan perniagaan Bank. Untuk maklumat lanjut mengenai Dasar ABAC, sila layari laman web Bank.
- 28.2 Penyewa hendaklah memastikan Dasar ABAC dipatuhi pada setiap masa dan tidak terlibat dengan apa-apa perlakuan rasuah atau sogokan yang dianggap sebagai bertentangan dengan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (“Akta SPRM”), garis panduan, undang-undang kecil, peraturan dan apa-apa enakmen semula kepada Akta SPRM berkenaan.
- 28.3 Bank mempunyai hak untuk menamatkan Perjanjian ini dengan serta-merta sekiranya Penyewa didapati melanggar Dasar ABAC atau didapati terlibat dengan tindakan rasuah dan amalan sogokan.

29. FORCE MAJEURE

- 29.1 Sekiranya Bank tidak dapat melaksanakan obligasinya di bawah Perjanjian ini berikutan apa-apa sebab di luar kawalan Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - 29.1.1 Apa-apa peralatan, sistem atau pautan transmisi yang rosak atau gagal untuk berfungsi;
 - 29.1.2 Apa-apa kebakaran, gempa bumi, banjir, letupan, tindakan elemen, bencana alam, tindakan keganasan, peperangan (yang diisytiharkan atau tidak), kemalangan, epidemik, pandemik, mogok, sekatan masuk, pertikaian buruh, embargo, rusuhan, gangguan sivil, tsunami;
 - 29.1.3 Apa-apa kegagalan atau gangguan telekomunikasi, internet, elektrik, bekalan air dan minyak; atau
 - 29.1.4 Apa-apa keadaan lain dalam bentuk *force majeure*, iaitu peristiwa luar jangka yang menghalang Bank daripada melaksanakan obligasinya di bawah Perjanjian ini,

Bank tidak akan dalam apa juga cara bertanggungjawab atas apa-apa kelewatan, kerugian, kerosakan atau kesukaran yang Penyewa mungkin alami berikutan kegagalan untuk melaksanakannya.

30. PENGECEUALIAN

- 30.1 Apa-apa kegagalan atau penangguhan oleh Bank untuk melaksanakan hak dan remedi yang tersedia kepada Bank di bawah Perjanjian ini atau undang-undang hendaklah tidak dianggap sebagai pengecualian oleh Bank untuk melaksanakan hak dan remedi tersebut.
- 30.2 Sekiranya Bank memutuskan untuk tidak melaksanakan hak yang Bank mungkin ada berkaitan dengan pelanggaran oleh Penyewa, ia tidak akan dianggap sebagai penepian hak Bank dan Bank mengekalkan hak itu pada bila-bila masa selepas itu untuk menguatkuasakan dengan ketat atau bertegas akan haknya berkaitan dengan pelanggaran tersebut atau pelanggaran berikutnya oleh Penyewa.

31. KEBOLEHASINGAN

- 31.1 Sekiranya mana-mana fasal dalam Perjanjian ini menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan, fasal yang tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan itu hendaklah dianggap sebagai tidak dimasukkan dalam Perjanjian ini dan fasal selebihnya dalam Perjanjian ini akan terus berkuat kuasa, dikuatkuasakan dan tidak akan terjejas dalam apa jua cara oleh fasal yang tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan itu.

32. PINDAAN

- 32.1 Bank boleh meminda, mengubah suai, menyemak semula dan/atau mengubah fasal dalam Perjanjian ini dengan memberi notis awal kepada Penyewa. Fasal yang dipinda, diubah suai, disemak semula dan/atau diubah itu hendaklah dikuatkuasakan pada tarikh kuat kuasa yang dinyatakan dalam notis berkenaan.
- 32.2 Sekiranya Penyewa terus menyewa Peti tersebut, Penyewa dianggap bersetuju dengan fasal yang dipinda, diubah suai, disemak semula dan diubah berkenaan.

32.3 Sekiranya Penyewa tidak bersetuju dengan pindaan, pengubahsuaian, semakan semula dan/atau perubahan berkenaan, Penyewa hendaklah menamakan Perjanjian ini mengikut kaedah seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian ini.

33. REMEDI TERKUMPUL

33.1 Hak, remedi dan keistimewaan yang diperuntukkan di bawah Perjanjian ini adalah terkumpul dan tidak eksklusif terhadap apa-apa hak, remedi dan keistimewaan yang diperuntukkan oleh undang-undang, dalam mana-mana perjanjian lain antara Pihak-pihak atau seumpamanya.

34. PEMELIHARAAN HAK DAN KELAYAKAN

34.1 Penyewa bersetuju bahawa walau apa pun yang dinyatakan dalam mana-mana bahagian Perjanjian ini, hak dan kelayakan Bank seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian ini akan terus berkuat kuasa sepenuhnya dan mengatasi apa-apa penamatan atau penggantungan Perjanjian ini dan/atau Peti tersebut.

35. BOLEH SERAH HAK

35.1 Pemegang Akaun tidak boleh menyerah dan/atau memindahkan mana-mana hak dan obligasinya di bawah Perjanjian ini.

35.2 Bank boleh menyerah dan/atau memindahkan semua atau mana-mana hak, hak milik, obligasi dan kepentingannya di bawah Perjanjian ini kepada mana-mana orang yang Bank anggap wajar.

36. MENGIKAT PENGGANTI

36.1 Perjanjian ini akan mengikat ke atas waris, wakil peribadi, pengganti hak milik Penyewa dan pengganti dan penerima serah hak Bank.

37. PENGESAHAN KEFAHAMAN TERHADAP PERJANJIAN

37.1 Penyewa mengesahkan bahawa beliau telah membaca terma dan syarat Perjanjian ini dan faham akan setiap terma dan syarat dalam Perjanjian ini.

38. UNDANG-UNDANG DAN BIDANG KUASA YANG MENGAWAL

38.1 Perjanjian ini akan dikawal oleh dan ditafsirkan menurut Undang-undang Malaysia dan Penyewa tanpa boleh batal perlu mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.

38.2 Penyewa bersetuju untuk mengecualikan apa-apa bantahan atas sebab kesesuaian tempat, bidang kuasa atau sebab-sebab yang sama.

[RUANGAN DI BAWAH INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]

DALAM MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak menurunkan tandatangan mereka pada hari dan tahun yang mula-mula bertulis di atas.

Untuk Bank

DITANDATANGANI untuk dan bagi pihak)
PUBLIC BANK BERHAD)
[196501000672 (6463-H)])
disaksikan oleh:)
Nama:
No. KP:

.....
Nama (Saksi):
No. KP:

Untuk Penyewa

Untuk Penyewa Individu

DITANDATANGANI oleh Penyewa)
disaksikan oleh:)
Nama (Penyewa):
No. KP:

)
.....)
Nama (Saksi): Nama (Penyewa):
No. KP:

)
)
Nama (Penyewa):
No. KP:

)
)
Nama (Penyewa):
No. KP:

Untuk Penyewa Bukan Individu

DITANDATANGANI untuk dan bagi)
pihak Penyewa)
disaksikan oleh:)
Nama (Penandatanganan yang Diberi Kuasa oleh Penyewa):
No. KP:

)
.....)
Name (Saksi): Nama (Penandatanganan yang Diberi Kuasa oleh Penyewa):
No. KP:
No. KP:

Cap Getah Syarikat/Firma)
)
Nama (Penandatanganan yang Diberi Kuasa oleh Penyewa):
No. KP:

)
)
Nama (Penandatanganan yang Diberi Kuasa oleh Penyewa):
No. KP:

Jadual A

Bil.	Huraian	Butir-butir
1.	Nama Penyewa	
2.	No. KP/No. Pasport/No. Pendaftaran Syarikat/No. Pendaftaran Perniagaan/No. ID	
3.	Alamat	
4.	No. Peti Simpan Selamat dan Cawangan Bank	
5.	Tarikh Penyewaan Peti Simpan Selamat	
6.	Tarikh Tamat Penyewaan Peti Simpan Selamat	
7.	Sewa Tahunan	
8.	Deposit Anak Kunci	

Lampiran 1

Pengakuan dan Pengesahan oleh Penyewa

Kepada: Public Bank Berhad [196501000672 (6463-H)]

Saya/Kami, mengakui dan mengesahkan bahawa saya/kami telah:

- (1) Menerima dua (2) anak kunci "B" bagi peti simpan selamat nombor: _____ di cawangan _____;
- (2) Telah mencuba kedua-dua anak kunci 'B' dan kedua-duanya sesuai dengan kunci 'B' dan boleh digunakan untuk mengunci dan membuka kunci 'B' peti simpan selamat berkenaan dan kedua-dua anak kunci 'B' dan kunci 'B' adalah dalam keadaan baik dan boleh digunakan; dan
- (3) Telah memeriksa peti simpan selamat berkenaan dan peti tersebut adalah dalam keadaan baik dan boleh digunakan.

Bertarikh _____ hari bulan _____,

Untuk Penyewa Individu

.....
Nama (Penyewa):
No. KP:

.....
Nama (Penyewa):
No. KP:

.....
Nama (Penyewa):
No. KP:

.....
Nama (Penyewa):
No. KP:

Untuk Penyewa Bukan Individu

Untuk dan bagi pihak Penyewa

.....
Nama (Penandatanganan yang Diberi Kuasa oleh Penyewa):
No. KP:

.....
Nama (Penandatanganan yang Diberi Kuasa oleh Penyewa):
No. KP:

.....
Nama (Penandatanganan yang Diberi Kuasa oleh Penyewa):
No. KP:

.....
Nama (Penandatanganan yang Diberi Kuasa oleh Penyewa):
No. KP:

Cap Getah Syarikat/Firma

.....